

**PEMERKASAAN SEKOLAH MENENGAH UNTUK PEMBANGUNAN
MODAL INSAN KELAS PERTAMA: ANTARA REALITI DAN HARAPAN
(EMPOWERMENT OF SECONDARY SCHOOLS IN DEVELOPING FIRST CLASS HUMAN
CAPITAL: BETWEEN REALITY AND HOPE)**

ZARIN ISMAIL, ZAINI MAHBAR, JURIAH LONG & KHALID ABDULLAH

ABSTRAK

Pendidikan adalah asas utama dalam pembangunan negara. Oleh itu, Sistem Pendidikan Kebangsaan perlu diperkasa dan dimantapkan bagi merealisasikan Wawasan 2020. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) digubal bagi menangani cabaran abad ke-21 dan memenuhi tuntutan serta aspirasi Wawasan 2020. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) menyatakan bahawa matlamat memperkasakan sekolah kebangsaan peringkat menengah adalah untuk menjadikan sekolah beraspirasi nasional, meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan meningkatkan kualiti prasarana. Sasaran jangka panjang sekolah kebangsaan adalah untuk menjadikan sekolah ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dari semua segi seperti prasarana, disiplin, keselamatan pelajar, pencapaian kokurikulum dan sukan, penguasaan ICT, kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Dalam pada itu, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menyatakan bahawa sumber manusia atau modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional. Oleh itu, pembangunan modal insan kelas pertama telah dijadikan teras utama pembangunan dan ia dilaksanakan secara holistik, merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek, termasuk keupayaan keusahawanan, penguasaan pengetahuan sains dan teknologi, memiliki sikap, nilai dan etika yang positif serta progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. Kertas ini bertujuan menjelaskan status pemeraksanaan di sekolah menengah kebangsaan masa kini dan melihat sejauh manakah input pembangunan pendidikan semasa dapat memenuhi matlamat pembangunan pendidikan bagi membangun modal insan berminda kelas pertama.

Kata kunci: pendidikan; pengetahuan; pembangunan modal insan.

ABSTRACT

Education is the basis in nation building. Thus, the National Education System needs to be strengthened and empowered in realising Vision 2020. The Education Act 1996 (Act 550) is passed in handling the challenges of 21st century and fulfilling the aspiration of Vision 2020. The Education Development Master Plan (PIPP 2006-2010) states that the objectives of empowering the national schools at secondary level are to have them nationally aspired, increase in excellence in various fields and increase the quality of the infrastructure. The long term goal of national school is to turn these schools into centres of education excellence from all points such as infrastructure, discipline, students' safety, achievement in co-curriculum and sports, competent in ICT, quality of teachers and school leadership. In the meantime, the Ninth Malaysian Plan (RMK-9) states that quality human resources or the nation's human capital is the most critical element in achieving the National Mission. Thus, the development of first class human resource has become the basis of nation's development and it is implemented holistically. It covers the acquirement of knowledge; skills or intellectual capital, including the entrepreneurship capability, competency, knowledge in science and technology; possessing positive and progressive attitudes, values and ethics through education, training and lifelong studying. This paper intends to explain the current

empowerment status at national secondary schools and to observe the extent of current development education input in fulfilling the objectives of education development in building human resource with first class mind.

Keywords: education, knowledge, human resource development

1. Pengenalan

Pendidikan adalah asas utama dalam pembangunan negara. Dengan keyakinan tersebut, Sistem Pendidikan Kebangsaan perlu diperkasa dan dimantapkan bagi merealisasikan Wawasan 2020. Akta Pendidikan 1996 digubal bagi menangani cabaran abad ke-21, memenuhi tuntutan dan aspirasi Wawasan 2020. Akta ini juga memperakui bahawa kemajuan negara perlu dicapai melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan yang menggunakan satu bentuk kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama.

Selain itu, perakuan-perakuan Akta Pendidikan 1996 juga memberi maksud bahawa sebagai sistem pendidikan di negara maju, Sistem Pendidikan Kebangsaan perlu berkemampuan untuk melengkapkan pelajar dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan keterampilan yang diperlukan dalam negara maju, di samping mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, demokratik dan dinamik. Kualiti pendidikan yang dihasilkan perlu juga bertaraf dunia, justeru untuk mencapai kedudukan tersebut, sekolah menengah di Malaysia perlu mencapai tahap perkasa.

2. Isu Pemeriksaan Sekolah Kebangsaan

Sekolah perkasa membawa maksud sekolah yang berjaya menjadi pusat kecemerlangan pendidikan. PIPP 2006 - 2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006: 77) menjelaskan bahawa matlamat memperkasakan sekolah kebangsaan peringkat menengah adalah untuk menjadikan sesebuah sekolah itu beraspirasi nasional, meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dan meningkatkan kualiti prasarana. Sasaran jangka panjang sekolah kebangsaan adalah untuk menjadikan sekolah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dari semua segi seperti prasarana, disiplin, keselamatan pelajar, pencapaian kokurikulum dan sukan, penguasaan ICT, kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Selaras dengan itu, usaha memperkasakan sekolah bolehlah dianggap sebagai segala usaha untuk menjadikan sekolah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dari segi prasarana, disiplin, keselamatan pelajar, pencapaian akademik, pencapaian kokurikulum, penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kualiti guru dan pengurusan sekolah.

PIPP juga menjelaskan bahawa sekolah kebangsaan yang diperkasa diterajui oleh Pengetua yang mempunyai ciri kepimpinan berkesan, mempunyai kumpulan guru daripada pelbagai kaum yang cekap, terlatih, komited bagi menjamin budaya sekolah yang sihat dan kondusif serta dapat mengeratkan hubungan dan penglibatan masyarakat, ibu bapa dan warga sekolah. Dalam usaha memperkasakan pendidikan sekolah menengah menjelang abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan konsep Sekolah Bestari yang mengamalkan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah melalui teknologi maklumat pada tahun 1999 di 90 buah sekolah. KPM menjangkakan bahawa pada tahun 2010, semua sekolah akan menjadi Sekolah Bestari (Kementerian Pendidikan Malaysia 1997).

Pada tahun 2003 pula, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 Rendah. KPM berpendapat bahawa pendedahan awal pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dapat menguatkan asas bahasa Inggeris murid dan menambah konteks penggunaan bahasa Inggeris mereka.

Selaras dengan strategi ke arah pencapaian Wawasan 2020, salah satu teras dalam menjana Misi Nasional yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) adalah pembangunan modal insan berminda kelas pertama (Malaysia 2006). Ini bermaksud salah satu Misi Nasional adalah untuk melahirkan modal insan yang menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta keupayaan intelektual yang meliputi ilmu sains, teknologi dan keusahawanan serta mempunyai budaya dan sikap progresif, etika dan moral yang tinggi. Untuk melahirkan modal insan kelas pertama, usaha berterusan ke arah pencapaiannya perlu dijalankan sejak awal. Dalam konteks ini, peranan sekolah amat penting dalam membentuk pelajar supaya dapat menjadi modal insan kelas pertama yang dapat merealisasikan cita-cita negara. Persoalannya, adakah sekolah di Malaysia pada masa kini telah bersedia untuk melahirkan modal insan tersebut? Kertas ini cuba mengengahkan isu ini dengan melihat sama ada negara telah dapat menyediakan sekolah perkasa demi melahirkan modal insan kelas pertama.

3. Tinjauan Kepustakaan

Kajian dalam amalan pendidikan menunjukkan terdapat pelbagai usaha yang boleh dilakukan untuk memperkasakan pendidikan sekolah menengah. Satu daripadanya ialah pembangunan profesional guru, iaitu yang melibatkan semua bentuk pembelajaran yang diikuti oleh guru terlatih yang berkhidmat di sekolah dengan tujuan meningkatkan amalan pengajaran mereka (Craft 2000; Guskey 1994). Malah, pembangunan profesional guru telah diakui menjadi komponen teras dalam sebarang perubahan melibatkan pendidikan dan usaha-usaha meningkatkan prestasi sekolah (Darling-Hammond & McLaughlin 1995; Fullan & Steigelbauer 1991; Guskey 1994; dan Sparks & Hirsh 1999). Menurut Widden (1992) pula, pelan perubahan dalaman sekolah mestilah didukung dengan pelan untuk pembangunan profesional guru.

Mengikut Amin (2005), dari segi amalannya, pengurusan sekolah termasuk pengurusan pembangunan profesional guru dan ia banyak dicorakkan oleh amalan pengurusan pentadbir sekolah. Beliau juga berpendapat bahawa faktor kepemimpinan sekolah dan budaya organisasi sekolah memainkan peranan penting dalam pembangunan staf berasaskan sekolah. Selain itu, persekitaran kerja guru juga haruslah diubahsuai supaya lebih terbuka dan menggalakkan pembelajaran guru (Lohman & Woolf 1998), yang mana pentadbir sekolah memainkan peranan kritikal dalam mencorakkan pengurusan dan budaya sekolah yang kondusif untuk pembangunan profesional guru. Kajian yang dilakukan oleh Persico (2001) pula mengesahkan andaian tersebut apabila beliau mendapati bahawa gaya kepemimpinan sekolah mempengaruhi proses pembangunan profesional guru.

Wood et al. (1993) telah memperkenalkan Model Pembangunan Profesional *Readiness, Planning, Training, Implementation*, dan *Maintenance* (RPIM) setelah mengenal pasti lima tahap yang saling berhubung kait dalam pembangunan profesional sekolah. Huraian ringkas tentang lima tahap dalam Model Pembangunan Profesional RPIM adalah seperti berikut:

- (i) Kesediaan (*Readiness*) - Pada tahap ini, staf sekolah membina kefahaman akan pentingnya keperluan dan usaha-usaha pembangunan profesional dan komited untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dirancang.

- (ii) Perancangan (*Planning*) - Pada tahap ini, staf sekolah akan terlibat sama dalam pembangunan pelan yang dirangka khusus untuk mencapai perubahan yang dikehendaki dalam amalan pendidikan.
- (iii) Latihan (*Training*) - Pada tahap ini, pelan khusus yang dirangka untuk mencapai objektif-objektif yang dinyatakan itu telah diterjemahkan ke dalam aktiviti-aktiviti dan latihan dalaman ke arah pembangunan profesional guru.
- (iv) Pelaksanaan (*Implementation*) - Pada tahap ini, aktiviti-aktiviti pembangunan profesional guru telah menjadi sebahagian daripada kerangka operasional sekolah.
- (v) Pemantapan (*Maintenance*) - Pada tahap ini, amalan-amalan yang terhasil daripada aktiviti pembangunan profesional guru akan diinstitusikan dan dijadikan sebagai sebahagian perubahan budaya dan amalan pembangunan profesional di sekolah.

Prinsip-prinsip amalan dalam model RPTIM ini telah diguna pakai sebagai kriteria penting dalam kajian tentang sekolah berkesan pada masa kini (Weathersby & Harkreader 1999). Di negara barat, beberapa penyelidikan yang dijalankan pada awal tahun 1960-an dan 1970-an terhadap pencapaian akademik pelajar yang berasaskan kajian sosiologi kuantitatif input-output dan kajian ekonomi tentang fungsi penghasilan pendidikan, misalnya oleh Coleman (1966), Plowden (1967), dan Hanushek (1979) telah dianggap sebagai bermulanya penyelidikan tentang sekolah berkesan (Schreerens & Creemers 1989). Walau bagaimanapun, pada tahun 1983, hasil laporan IEA atau *International Association for the Evaluation Achievement* (Heyneman & Loxley 1983) mendapati bahawa pengaruh keluarga, taraf pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, pendapatan keluarga, dan petunjuk lain adalah jauh lebih kuat berbanding dengan pengaruh kesan sekolah, kualiti sekolah, dan kualiti guru dari segi meningkatkan pencapaian pelajar (Charil 1997).

Kajian tentang sekolah berkesan seterusnya dijalankan berdasarkan “Model Lima-Faktor” yang dipelopori oleh Edmonds (1979). Dalam model ini, Edmonds mengatakan bahawa sesebuah sekolah adalah berkesan atau tidak berkesan ditentukan oleh lima faktor yang utama iaitu: (i) Kepimpinan pengetua yang teguh dan mampan, terutama dalam kepimpinan pengajaran; (ii) Iklim sekolah yang selamat dan sesuai untuk pembelajaran; (iii) Penekanan kepada pengajaran-pembelajaran asas; (iv) Harapan guru yang tinggi terhadap pencapaian pelajar; (v) Ke kerapannya mengadakan penilaian kemajuan akademik pelajar.

Model Lima-Faktor dalam menentukan sekolah berkesan kemudiannya dikaji secara korelasi dengan menggunakan sampel sekolah yang banyak dan ditambah dengan beberapa pemboleh ubah yang dilakukan oleh Mortimore et al. (1988) di Britain. Pada peringkat ini, terdapat 12 faktor penentu sekolah berkesan yang dicadangkan, iaitu: (i) Kepimpinan yang berkesan; (ii) Penglibatan penolong pengetua dalam pentadbiran; (iii) Penglibatan guru; (iv) Guru yang konsisten dalam pengajaran; (v) Pengajaran yang tersusun; (vi) Pengajaran yang mencabar; (vii) Suasana yang berpusat; (viii) Tumpuan kepada pengajaran-pembelajaran; (ix) Komunikasi yang maksimum antara guru dan pelajar; (x) Sistem simpanan rekod yang teratur; (xi) Penglibatan ibu bapa; dan (xii) Iklim sekolah yang positif.

Di Malaysia, usaha memperkenalkan konsep sekolah berkesan bermula apabila KPM pada 13 dan 14 Julai 1995 telah menganjurkan satu seminar mengenai konsep sekolah berkesan dengan menjemput Peter Mortimore sebagai pakar rujuk untuk membentangkan kertas kerja bertajuk *Key Characteristics of Effective Schools*. Dalam kertas kerja tersebut, Mortimer (1995) telah menggalurkan sebelas ciri sekolah berkesan, iaitu: (i) Kepimpinan profesional; (ii) Perkongsian wawasan dan matlamat; (iii) Suasana pembelajaran yang unggul; (iv) Penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran; (v) Pengajaran yang mempunyai hala tuju yang jelas; (vi) Pengharapan yang tinggi; (vii) Pengukuhan yang

positif; (viii) Pemantauan kemajuan; (ix) Hak dan tanggungjawab murid; (x) Permuafakatan sekolah-komuniti; (xi) Organisasi pembelajaran.

4. Pembangunan Modal Insan

Salah satu dimensi baru yang telah diperkenalkan oleh Dasar Wawasan Negara (DWN) adalah mengorientasi semula pembangunan modal insan untuk menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan. Sebagai teras kepada dimensi tersebut, maka perlu wujud pengukuhan dalam pembangunan modal insan untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap, produktif dan berpengetahuan. Sumber manusia atau modal insan yang berkualiti adalah elemen terpenting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, terutamanya dalam era globalisasi yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Kajian Jess & Mark (1994) menjelaskan bahawa pertumbuhan ekonomi sesebuah negara diterajui oleh pertumbuhan modal insan. Berdasarkan satu kajian terhadap 42 buah negara terpilih, didapati modal insan berperanan positif dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi melalui dua mekanisme iaitu; a) tingkat stok modal insan mempengaruhi secara langsung pengeluaran yang menggunakan konsep inovasi teknologi; dan b) stok modal insan memberi kesan kepada kepantasan menyerap teknologi luar negara. Dalam konteks yang lebih luas, sumber manusia mencorakkan hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonomi.

Secara umumnya, pembangunan sumber manusia didefinisikan oleh ahli ekonomi sebagai satu perancangan pembangunan untuk memenuhi permintaan terhadap tenaga buruh mengikut perubahan sosial, ekonomi, industri dan struktur organisasi (Othman Yeop 1989). Sementara itu, Pusat Latihan dan Pembangunan Sosial Amerika Syarikat mendefinisikan pembangunan sumber manusia sebagai integrasi antara buruh dan pembangunan, pembangunan organisasi dan pembangunan kerja untuk memajukan individu, kumpulan dan organisasi secara berkesan. Pembangunan sumber manusia inilah yang turut menyumbang ke arah keupayaan maksimum tenaga manusia dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan yang dikehendaki oleh masyarakat (Levitan, Magnum dan Marshall 1981). Kajian Thomas et al. (2001) pula menjelaskan peranan pembangunan sumber manusia terhadap pertumbuhan modal insan yang dilihat daripada dua perspektif, iaitu perspektif individu dan perspektif organisasi. Perspektif individu bermaksud modal insan dilihat dari segi kemampuan bekerja, pelaksanaan tugas dan perkembangan kerjaya, manakala perspektif organisasi dilihat dari segi modal pelaburan, pemilikan, kemahiran dan ilmu pengurusan.

Dalam RMK-9 dinyatakan bahawa modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional. Oleh itu, pembangunan modal insan kelas pertama telah dijadikan teras utama pembangunan dan ia akan dilaksanakan secara holistik merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. Pendekatan yang dirancang adalah dengan tujuan untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama yang memenuhi tiga strategi utama iaitu; 1) meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan, 2) memperkukuh keupayaan sains, penyelidikan dan pembangunan serta inovasi, dan 3) memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.

RMKe-9 telah menetapkan KPM sebagai salah satu institusi yang dipertanggungjawabkan bagi pembangunan sumber manusia berminda kelas pertama. Tegasnya, modal

insan kelas pertama adalah modal insan yang menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai intelektual yang meliputi ilmu sains, teknologi dan keusahawanan. Di samping itu, mempunyai budaya dan sikap progresif serta etika dan moral yang tinggi. PIPP 2006-2010 telah menjelaskan bahawa tugas KPM adalah untuk menyediakan generasi muda Malaysia dengan luas peluang untuk memperkembangkan potensi diri, melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran bagi membentuk ciri-ciri keperibadian mereka, berjaya dalam kehidupan dan mampu memajukan negara di mata dunia selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 2006: 52-53). Justeru, dasar KPM adalah untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni.

5. Pemeriksaan Sekolah dalam PIPP 2006-2010

PIPP 2006-2010 adalah dokumen rangka kerja pelaksanaan KPM yang komprehensif bagi mendukung dan menjayakan Misi Nasional bagi melaksanakan pelbagai projek KPM seperti yang terkandung dalam RMK-9. PIPP telah dirangka berdasarkan realiti semasa dan pencapaian sistem pendidikan sedia ada. Pelan induk ini dihasilkan sebagai usaha KPM untuk mengangkat martabat pendidikan Malaysia ke taraf dunia serta mencapai matlamat pendidikan untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua. Melalui PIPP, program pembangunan pendidikan kebangsaan dirancang dan dilaksanakan berlandaskan enam teras utama yang mana Teras 2 dan Teras 3 mempunyai perkaitan yang rapat dengan kertas ini.

Teras 2 menjelaskan bahawa pendidikan berperanan penting dalam usaha membangunkan modal insan berminda kelas pertama yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju menjelang tahun 2020. Selaras dengan hasrat ini, KPM bertanggungjawab untuk menyediakan peluang yang seluas-luasnya kepada generasi muda Malaysia bagi mencapai tiga perkara berikut: (i) Memperkembangkan potensi diri; (ii) Melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran; dan (iii) Membentuk ciri-ciri keperibadian dan perspektif hidup yang membolehkan mereka berjaya dalam kehidupan dan mampu memajukan lagi negara di persada dunia, selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selain itu, usaha untuk membangunkan modal insan berminda kelas pertama juga termasuk melengkapkan diri pelajar dengan lima perkara berikut: (i) Kemahiran komunikasi berkesan; (ii) Kebolehan menggunakan ICT dengan baik; (iii) Berfikir secara kreatif dan kritis; (iv) Mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat; dan (v) Mempunyai nilai yang tinggi supaya berkebolehan menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat.

Modal insan yang ingin dilahirkan seharusnya berupaya berfikir secara kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah dan berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah. Oleh itu, Teras 3 Misi Nasional menuntut KPM memperkenalkan dasar memperkasa Sekolah Kebangsaan (SK) supaya SK kekal sebagai pilihan utama masyarakat Malaysia. Fokus memperkasa SK pada peringkat sekolah rendah dan menengah adalah untuk menjadikan sekolah-sekolah ini lebih beraspirasi nasional, meningkatkan kecemerlangan pelbagai bidang dan meningkatkan kualiti prasarana. Menurut PIPP, ciri-ciri SK perkasa adalah: (i) Pemimpin dan guru cekap, terlatih dan berkualiti; (ii) Penawaran dan pelaksanaan kurikulum berasaskan pelanggan; (iii) Penawaran dan pelaksanaan kurikulum yang berkesan; (iv) Pencapaian sahsiah cemerlang; (v) Beraspirasi nasional; (vi) Semua pelajar menguasai 3M; (vii) Iklim dan budaya sekolah yang sihat; (viii) Sistem sokongan yang kuat dan mencukupi; (ix) Pencapaian akademik cemerlang; (x)

Menawarkan bahasa Cina dan Tamil; dan (xi) Infrastruktur lengkap dan mencukupi (KPM 2006).

6. Kajian Pemeraksanaan SMK bagi Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama

Kajian pemeraksanaan SMK bagi pembangunan modal insan kelas pertama bertujuan untuk meninjau antara status pemeraksanaan pendidikan di sekolah menengah dan melihat sejauh manakah ia mampu membangunkan modal insan kelas pertama? Kerangka konseptual kajian ini adalah berasaskan Model Jurang Provus (*Provus Discrepancy Model*) oleh Ornstein & Hunkins (1998). Model ini digunakan untuk menentukan jurang antara keadaan semasa dengan keadaan yang diinginkan. Jurang perbezaan antara kedua-dua keadaan ini dikenal pasti sebagai keperluan yang perlu dipenuhi bagi memastikan matlamat yang menjadi sasaran dapat dicapai. Kajian ini menggunakan pendekatan triangulasi yang menggabungkan beberapa kaedah yang selalu digunakan dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Sampel kajian terdiri daripada 2320 individu yang merangkumi empat kategori; iaitu 1811 orang murid, 466 orang guru, 43 orang pengetua dan 30 orang pakar pendidikan daripada KPM dan Kementerian Pendidikan Singapura.

Kerangka konseptual kajian ini beranggapan bahawa sesebuah sekolah yang perkasa bagi perpaduan dan pembangunan modal insan berminda kelas pertama di Malaysia perlu mempunyai lima belas ciri perkasa, iaitu: (i) Prasarana akademik; (ii) Kebersihan; (iii) Keselamatan; (iv) Keceriaan; (v) Prasarana sukan; (vi) Prasarana kelab dan persatuan; (vii) Prasarana badan beruniform; (viii) Aktiviti sukan; (ix) Aktiviti kelab dan persatuan; (x) Aktiviti badan beruniform; (xi) Aktiviti kokurikulum untuk perpaduan, (xii) Aktiviti pengajaran dan pembelajaran; (xiii) Pemantapan profesionalisme guru; (xiv) Pengurusan sekolah; (xv) Penglibatan masyarakat. Kertas ini akan memberi fokus kepada 12 ciri pemeraksanaan sekolah sahaja.

7. Dapatan Kajian

7.1 Prasarana Akademik

Kebanyakan murid dan guru mengakui bahawa kesemua prasarana akademik yang diperlukan terdapat di sekolah mereka. Namun, dari segi prasarana akademik yang dianggap mencukupi, dapatan kajian menunjukkan prasarana yang paling mencukupi adalah makmal sains. Bagi murid prasarana yang kedua paling mencukupi adalah bilik darjah (74.5%), diikuti dengan bilik sumber (73.6%) dan papan putih (72.1%), sementara bagi guru prasarana kedua yang mencukupi adalah papan hitam (73.3%), diikuti bilik sumber (69.3%) dan peralatan makmal sains (68.3%). Murid (50.6%) dan guru (54.3%) juga sependapat bahawa prasarana yang paling tidak mencukupi adalah komputer. Bagi sampel murid, prasarana kedua paling tidak mencukupi adalah kemudahan internet (49.9%), diikuti perisian komputer (46.4%). Sementara itu, guru berpendapat prasarana kedua paling tidak mencukupi adalah projektor LCD (45.0%) dan internet (43.7%). Kajian juga menunjukkan 19.5% murid dan 7.6% guru yang menyatakan sekolah mereka tidak mempunyai kemudahan internet (lihat Jadual 1)

Jadual 1: Status Prasarana Akademik di SMK mengikut Persepsi Murid dan Guru

Prasarana Akademik	Murid			Guru		
	Tiada	Tidak Mencukupi	Mencukupi	Tiada	Tidak Mencukupi	Mencukupi

Makmal Sains	1.3	15.4	83.3	0.4	16.7	82.9
Makmal Komputer	4.7	35.4	59.9	3.2	31.7	65.0
Bilik Sumber	2.4	24.0	73.6	2.4	28.4	69.3
Bilik Darjah	1.2	24.3	74.5	0.6	35.3	64.0
Papan Putih	8.9	19.0	72.1	4.3	35.9	59.8
Papan Hitam	22.9	11.0	66.1	14.9	11.5	73.3
OHP	14.6	28.4	57.0	1.5	30.8	58.7
Buku rujukan	3.8	36.9	59.4	0.0	35.8	64.2
Komputer	4.7	50.6	44.7	0.9	54.3	44.8
Internet	19.5	49.9	30.6	7.6	43.7	48.7
Peralatan Makmal Sains	1.6	33.8	64.6	0.9	30.9	68.3
Perisian Komputer	7.4	46.4	46.2	1.7	40.3	57.9
Projektor LCD	5.0	33.6	61.4	1.5	45.0	53.5
Skrin	5.0	31.1	64.0	2.0	40.2	57.8

7.2 Prasarana Kokurikulum

Dari segi prasarana kokurikulum (sukan), pendapat sampel murid dan guru adalah sama dari segi *ranking*. Dapatan kajian menunjukkan paling ramai murid dan guru menyatakan di sekolah mereka tidak terdapat mini stadium, diikuti gimnasium, bilik persalinan dan trek balapan. Sebaliknya, data juga menunjukkan bahawa dua prasarana yang paling dianggap mencukupi adalah padang dan bilik sukan. Sebanyak 66.8% murid dan 53.0% guru menganggap prasarana padang mencukupi di sekolah mereka. Peratus persetujuan bagi bilik sukan adalah 61.3% bagi murid dan 55.7% bagi guru. Tiga prasarana sukan yang dianggap paling tidak mencukupi bagi murid dan guru adalah gelanggang, peralatan permainan dan peralatan olahraga. Bagi ketiga-tiga prasarana tersebut lebih daripada 40.0% guru dan murid berpendapat demikian.

Bagi aktiviti kokurikulum (kelab dan persatuan), kebanyakan prasarana dianggap ada di sekolah-sekolah yang dikaji. Namun demikian, ia tidak mencukupi, terutamanya peralatan, kemudahan khusus, pakaian seragam dan bilik aktiviti. Pendapat tersebut adalah sama bagi sampel murid dan guru. Prasarana kelab dan persatuan yang dianggap mencukupi oleh murid dan guru ialah pakaian seragam. Namun, kadar persetujuan mereka tidak tinggi, iaitu 56.7% bagi murid dan 39.3% bagi guru. Manakala bagi prasarana kokurikulum (badan beruniform), 41.5% murid dan 64.6% guru berpendapat prasarana peralatan khusus paling tidak mencukupi. Sebagai kesimpulan, dari segi prasarana kokurikulum (sukan, kelab, persatuan serta badan beruniform) didapati masih terdapat beberapa kekurangan, iaitu peralatan olahraga, bilik persalinan, kemudahan peralatan khusus bagi kelab dan persatuan serta badan beruniform.

7.3 Tahap Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan

Analisis data terhadap tahap kebersihan di persekitaran sekolah menunjukkan guru menganggap tempat paling bersih adalah perpustakaan (91.0%). Manakala murid berpendapat bilik guru (91.9%) paling bersih. Tempat-tempat lain yang dianggap bersih (peratus melebihi 75.0%) oleh guru dan murid adalah makmal sains dan makmal komputer. Guru dan murid sependapat bahawa tempat yang paling tidak bersih adalah tandas. Sebanyak 85.8% murid dan 54.7% guru berpendapat demikian (lihat Jadual 2). Bagi tahap keselamatan, guru dan murid berpendapat persekitaran sekolah agak selamat. Peratus persetujuan guru

adalah antara 72.1% - 92.9%, sementara peratus persetujuan murid pula adalah antara 37.6% - 91.2%. Murid berpendapat persekitaran yang paling tidak selamat adalah tandas (62.4%). Sementara 27.9% guru berpendapat bahawa padang sekolah adalah persekitaran yang paling tidak selamat. Kajian juga mendapati lebih ramai murid dan guru menganggap kebanyakan persekitaran sekolah tidak ceria. Hanya 76.4 peratus guru yang menganggap perpustakaan adalah tempat yang ceria dan diikuti oleh kawasan taman (60.9%). Tempat-tempat lain menunjukkan peratus keceriaan persekitaran yang kurang daripada 50.0. Tempat-tempat lain yang tidak ceria mengikut pendapat guru dan murid adalah kantin dan gelanggang permainan.

Jadual 2: Tahap Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan di Sekolah Menengah

Item Persekitaran Sekolah	Pandangan Guru (%)			Pandangan Murid (%)		
	Kebersihan	Keselamatan	Keceriaan	Kebersihan	Keselamatan	Keceriaan
Bilik darjah	46.4	81.9	49.1	54.5	82.2	67.7
Kantin	56.6	85.4	46.4	39.0	65.0	37.5
Tandas	45.3	77.6	-	14.2	37.6	-
Bilik Guru	65.4	88.4	49.9	91.9	91.2	73.3
Kawasan taman	73.2	85.4	60.9	70.8	64.3	64.7
Makmal Sains	80.7	85.1	-	76.0	70.3	-
Makmal Komputer	81.9	89.6	-	85.2	83.0	-
Bengkel	71.8	78.8	-	52.9	52.6	-
Padang sekolah	68.5	72.1	39.4	48.5	56.5	36.6
Gelanggang permainan	71.8	76.7	40.6	59.0	60.6	39.4
Perpustakaan	91.6	92.9	76.4	90.2	90.9	82.2

7.4 Pengajaran dan Pembelajaran di SMK

Analisis ke atas aktiviti pengajaran dan pembelajaran mendapati bahawa guru berpendapat kebanyakan murid menguasai bahasa Melayu untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran serta berbincang tentang pelajaran dalam sesuatu kumpulan. Bahasa Melayu dipelajari bukan hanya untuk lulus peperiksaan tetapi digunakan untuk memahami budaya orang Melayu serta meningkatkan semangat toleransi antara murid daripada pelbagai kaum. Pendapat murid didapati selari dengan pendapat guru walaupun peratus persetujuan murid lebih rendah. Dalam pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris didapati penglibatan murid dalam interaksi adalah pada tahap sederhana. Kajian ini mendapati pengajaran dan pembelajaran lebih menggalakan melalui pengantar bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris (Jadual 3 dan 4).

Jadual 3: Pendapat Guru Mengenai Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di SMK

Aspek Pengajaran dan Pembelajaran	(%) Setuju
Murid lebih suka belajar bersama-sama rakan sebangsa mereka.	76.2
Saya menggalakan murid bekerjasama dengan rakan-rakan dari pelbagai kaum.	89.5
Penguasaan bahasa Melayu yang baik penting untuk mendapat pekerjaan.	76.6
Penguasaan bahasa Inggeris yang baik penting untuk mendapatkan pekerjaan.	90.8
Bahasa Melayu perlu dipelajari untuk lulus peperiksaan sahaja.	27.5
Bahasa Melayu membantu murid memahami budaya Melayu.	70.6
Murid menguasai bahasa Melayu untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran.	79.4

Murid menguasai bahasa Inggeris untuk mengikuti Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	68.7
Saya menggalakkan murid berinteraksi dalam pengajaran dan pembelajaran	93.6
Saya menggalakkan murid mencari maklumat sendiri.	89.9
Saya menggalakkan murid berbincang dalam kumpulan	91.6

Jadual 4: Pendapat Murid tentang aspek Pengajaran dan Pembelajaran di SMK

Aspek Pengajaran dan Pembelajaran	(%) Setuju
Saya lebih suka belajar bersama-sama rakan sebangsa dengan saya.	52.6
Guru menggalakkan murid bekerjasama dengan rakan-rakan daripada pelbagai kaum.	79.2
Kelulusan yang baik dalam bahasa Melayu penting untuk mendapat pekerjaan.	70.1
Kelulusan bahasa Inggeris yang baik penting untuk mendapatkan pekerjaan.	84.6
Bahasa Melayu perlu dipelajari untuk lulus peperiksaan sahaja.	30.4
Bahasa Melayu membantu murid memahami budaya Melayu.	60.2
Saya suka mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	67.3
Saya berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti semasa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	61.7
Saya boleh melibatkan diri dalam perbincangan semasa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	62.1
Saya boleh mengemukakan soalan dalam bahasa Inggeris semasa pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	52.3
Guru saya fasih mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.	57.0
Guru saya sering menyampaikan isi pengajaran dan kemudian bersoal jawab dengan murid semasa mengajar	66.4
Guru saya sering menggalakkan murid mencari maklumat sendiri.	56.6
Guru saya sering menggalakkan murid berbincang dalam kumpulan	65.1

Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 69.8% guru menyatakan yang mereka menggunakan TMK/ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 82.6% guru pula menggalakkan murid menggunakan TMK/ICT, manakala 85.2% guru menggalakkan murid menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat bagi pembelajaran mereka (lihat Jadual 5).

Jadual 5: Pendapat Guru Tentang Aktiviti P&P menggunakan TMK/ICT di SMK

Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran Menggunakan TMK/ICT	Peratus
Pelajar berkemahiran menggunakan TMK/ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.	54.1
Saya menggunakan TMK /ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.	69.8
Saya menggunakan internet untuk mendapat maklumat bagi pengajaran dan pembelajaran.	70.8
Saya menggalakkan murid menggunakan TMK /ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.	82.6
Saya menggalakkan murid menggunakan internet untuk mendapat maklumat.	85.2

Walaupun guru menyatakan mereka menggunakan TMK/ICT dalam P&P, murid pula hanya menyatakan 47.3% guru mereka menggunakan TMK/ICT. Hanya 21.2% murid menyatakan yang guru mereka menggunakan internet semasa mengajar. Sebaliknya, 45.3% murid menggunakan internet untuk mendapat maklumat tambahan (lihat Jadual 6).

Jadual 6: Pendapat Murid Tentang Aktiviti P&P menggunakan TMK/ICT

Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran Menggunakan TMK/ICT	Peratus
Guru di sekolah saya menggunakan TMK/ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	47.3
Saya berkemampuan menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	58.3
Guru menggalakkan saya menggunakan komputer semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	34.9
Saya menggunakan Internet untuk mendapat maklumat semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	45.3
Guru saya menggunakan Internet semasa mengajar.	21.2

Kesimpulannya, dari segi tahap penggunaan TMK/ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran ianya adalah pada tahap sederhana dan rendah. Keadaan ini boleh merencatkan pembangunan modal insan kelas pertama.

7.4 Aspek Kokurikulum di SMK

Secara keseluruhan, murid dan guru bersetuju aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah dapat menggalakkan murid berkomunikasi antara satu sama lain (guru 89.5% dan murid 71.3%). Di samping itu, aktiviti kokurikulum dapat menggalakkan murid bergaul (guru 82.8% dan murid 65.2%) dan bekerjasama (guru 82.6% dan murid 73.8%). Aktiviti ini juga dapat menggalakkan semangat berpasukan (guru 87.5% dan murid 74.5%) serta menggalakkan murid mempelajari cara hidup rakan-rakan daripada kaum lain (guru 67.9% dan murid 55.3% (lihat Jadual 7).

Jadual 7: Pendapat Murid dan Guru mengenai Aktiviti Kokurikulum di SMK

Aktiviti Kokurikulum	Peratus Murid	Persetujuan Guru
Menggalakkan semua murid bergaul	65.2	82.8
Menggalakkan murid bekerjasama	73.8	82.6
Menanam disiplin diri dalam kalangan murid	70.7	83.7
Menggalakkan murid berkomunikasi antara satu sama lain	71.3	89.5
Menggalakkan murid mempelajari cara hidup rakan-rakan yang berlainan kaum	55.3	67.9
Meningkatkan keyakinan diri	72.9	84.3
Meningkatkan keupayaan memimpin	70.1	52.6
Menerapkan daya ketahanan diri	68.6	77.7
Menambah ilmu pengetahuan	76.8	86.9
Menggalakkan semangat berpasukan	74.5	87.5
Mengurangkan perasaan prejudis terhadap kaum lain.	62.4	78.0

Guru dan murid juga berpendapat yang aktiviti kokurikulum dapat menanam disiplin diri dalam kalangan murid (guru 83.7% dan murid 70.7%). Selain itu, aktiviti kokurikulum juga dapat meningkatkan keyakinan diri murid (guru 84.3% dan murid 72.9%). Seterusnya,

aktiviti ini juga dapat meningkatkan keupayaan memimpin dalam kalangan murid (guru 52.6% dan murid 70.1%) dan meningkatkan daya ketahanan diri mereka (guru 77.7% dan murid 68.6%). Aktiviti ini dapat menyumbang ke arah membina ciri-ciri modal insan berminda kelas pertama.

7.5 Kualiti Guru

Kebanyakan guru yang mengajar di Sekolah Menengah terdiri daripada guru berijazah; Sarjana (15.3%) dan Sarjana Muda (81.3%). Semua guru mempunyai kelulusan ikhtisas di peringkat Diploma Pendidikan (72.4%) dan Sijil Perguruan (27.6%). Dari segi pengalaman mengajar, kebanyakan guru mempunyai lebih daripada 10 tahun pengalaman mengajar (68.9%). Sebanyak 97.4% guru Sekolah Menengah mempunyai perancangan untuk meningkatkan profesionalisme mereka. Dalam jangka masa 5 tahun yang lepas, guru di Sekolah Menengah yang dikaji telah mengikuti kursus-kursus di peringkat Sekolah (30.3%), Negeri (55.9%) dan Kebangsaan (13.9%). Kebanyakan kursus yang diikuti adalah Kursus Dalam Perkhidmatan. Sebanyak 20.4% guru berkursus atas inisiatif sendiri (lihat Jadual 8).

Kesimpulannya, guru di Sekolah Menengah yang dikaji berkelayakan dan berpengalaman serta mempunyai perancangan untuk meningkatkan profesionalisme keguruan mereka. Namun, dari segi pemantapan profesionalisme keguruan mereka melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan; di peringkat Sekolah (30.3%), Negeri (55.8%) dan Kebangsaan (12.9%), iaitu peratus ini berada pada tahap sederhana dan rendah.

Jadual 8: Kualiti Guru di SMK

Bil.	Kualiti Guru	Peratus	
1.	Kelulusan Akademik	SPM/STPM	1.1%
		Diploma	2.2%
		Sarjana Muda	81.3%
		Sarjana	15.3%
		Lain-lain	0.2%
2.	Kelulusan Ikhtisas	Sijil Perguruan	27.6%
		Diploma Pendidikan	72.4%
3.	Pengalaman	Kurang Daripada 5 Tahun	14.8%
		4 – 10 Tahun	16.3%
		11 – 15 Tahun	25.2%
		16 Tahun Ke Atas	43.7%
4.	Guru Ada Perancangan	Meningkatkan Profesionalisme	97.4%
5.	Kursus Yang Dikuti Guru	Peringkat Sekolah	30.3%
		Peringkat Negeri	55.8%
		Peringkat Kebangsaan	13.9%
6.	Jenis Kursus	Kursus Dalam Perkhidmatan	76.1%
		Lain-lain	23.9%
7.	Tajaan Kursus	Kementerian Pelajaran	79.6%
		Sendiri	20.4%

7.6 Aspek Pengurusan di Sekolah Menengah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari aspek perancangan dalam pelaksanaan pengurusan sekolah, semua item perancangan mendapat peratus persetujuan yang agak sama. Pihak pengurusan sekolah melibatkan guru dalam membina visi dan misi sekolah (60.5%) serta dalam menyusun perancangan sekolah berasaskan analisis SWOT.

Dari aspek pengelolaan, didapati peratus persetujuan yang paling rendah adalah memberi kuasa kepada guru-guru untuk menguruskan kurikulum (52.4%) dan paling tinggi (65.1%) untuk memperuntukkan sumber pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi kepada guru-guru untuk menguruskan kurikulum. Sementara itu dari aspek kepimpinan, pengetua lebih kerap memotivasi, memberi tunjuk ajar dan memberi pengiktiranan dalam menguruskan sekolah berbanding dengan pendekatan kepimpinan lain seperti memberi arahan dan mempengaruhi guru-guru. Dari aspek pengawalan pula pengetua lebih kerap mencerap guru untuk memastikan pelaksanaan kurikulum dirancang, memeriksa buku latihan pelajar yang telah disemak oleh guru secara berkala, meronda kawasan sekolah untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar, berbanding dengan pendekatan pemantauan secara berterusan dan menyemak buku rekod guru setiap minggu (lihat Jadual 9).

7.7 Penglibatan Masyarakat

Dapatan kajian menunjukkan bahawa PIBG terlibat dalam aktiviti pengurusan sekolah dari segi: i) pengajaran dan pembelajaran, ii) kokurikulum, iii) aktiviti sosial, iv) keceriaan sekolah, v) mendapatkan sumber kewangan, dan vi) aktiviti kebajikan.

Jadual 10 menunjukkan penglibatan PIBG dalam aktiviti pengurusan. Didapati PIBG paling aktif dalam aktiviti kebajikan (81.0%) diikuti dengan aktiviti mendapatkan sumber kewangan dan aktiviti kokurikulum. Aktiviti paling sedikit mendapat penglibatan daripada PIBG adalah aktiviti keceriaan sekolah.

Jadual 9: Pelaksanaan Aspek-Aspek Pengurusan Sekolah: Perancangan, Pengelolaan, Kepimpinan dan Pengawalan

Aspek	Item Pengurusan	Peratus Persetujuan
Perancangan	Saya melibatkan semua guru untuk membuat analisis SWOT dalam pengurusan kurikulum.	60.5
	Saya menyusun perancangan sekolah berasaskan analisis SWOT.	62.8
	Saya melibatkan guru-guru dalam membina visi sekolah.	60.5
	Saya melibatkan guru-guru dalam membina misi sekolah.	60.5
	Saya mengutamakan aspek perpaduan dalam menetapkan matlamat pengurusan sekolah.	62.8
Pengelolaan	Saya memperuntukkan kerja secara sama rata kepada guru-guru untuk mengurus kurikulum.	61.9
	Saya memberi kuasa kepada guru-guru untuk menguruskan kurikulum.	52.4
	Saya memperuntukkan sumber pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi kepada guru-guru untuk menguruskan kurikulum.	65.1
	Saya memberi kuasa dari aspek mengurus kurikulum kepada pentadbir sekolah (GPK, Ketua Bidang).	62.8
	Saya mengendalikan mesyuarat pengurusan kurikulum secara berkala.	58.1
Kepimpinan	Saya memberi arahan kepada guru-guru untuk menguruskan kurikulum.	60.5
	Saya mempengaruhi guru-guru saya untuk menguruskan kurikulum.	58.1
	Saya memotivasi guru-guru saya untuk menguruskan kurikulum.	65.1
	Saya memberi tunjuk ajar kepada guru-guru dalam aspek pengurusan	65.1

	kurikulum.	
	Saya memberi pengiktirafan kepada guru-guru yang melaksanakan pengurusan kurikulum dengan cemerlang.	65.1
Pengawasan	Saya mencerap guru-guru saya untuk memastikan pelaksanaan kurikulum yang dirancang.	65.1
	Saya membuat pemantauan secara berterusan.	62.8
	Saya selalu menyemak buku rekod guru setiap minggu.	62.8
	Saya memeriksa buku latihan pelajar yang telah disemak oleh guru secara berkala.	65.1
	Saya selalu meronda kawasan sekolah untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.	65.1

Jadual 10: Penglibatan PIBG dalam Aktiviti Pengurusan SMK

Item Penglibatan dalam Pengurusan	Tidak Aktif (%)	Aktif (%)
Pengajaran dan pembelajaran.	39.5	60.5
Kokurikulum	25.6	74.4
Aktiviti Sosial	26.9	73.1
Keceriaan Sekolah	42.8	57.2
Mendapatkan Sumber Kewangan	23.2	76.8
Aktiviti Kebajikan	19.0	81.0

8. Kategori Sekolah Menengah mengikut Ciri-Ciri Perkasa

Pengkategorian pemerikasaan sekolah dalam kajian ini adalah berasaskan kepada peratus persepsi persetujuan murid, guru dan pengetua sesebuah sekolah yang di kaji. Bagi sesuatu ciri keperkasaan sekolah, persetujuan murid, guru dan pengetua yang melebihi 75% dikategorikan sebagai perkasa dalam ciri tersebut. Ia disesuaikan daripada peratus yang di peroleh oleh sekolah yang memenangi anugerah 3K.

Secara keseluruhannya, berdasarkan skala pemerikasaan sekolah yang digunakan, daripada 39 buah sekolah yang dikaji, tidak ada sebuah sekolah pun yang didapati perkasa berdasarkan maklum balas daripada murid, guru dan pengetua sekolah. Sebanyak 22 buah sekolah didapati sederhana perkasa, manakala 17 buah sekolah pula tidak perkasa.

Berdasarkan analisis setiap ciri pemerikasaan bagi semua sekolah yang dikaji, didapati 4 ciri perkasa telah memperoleh skor yang tinggi (75.0% ke atas), iaitu (i) keselamatan, (ii) aktiviti kokurikulum, (iii) pengurusan dan (iv) penglibatan masyarakat dalam aktiviti akademik dan kokurikulum (lihat Jadual 11).

Jadual 11: Peratus dan Kategori Perkasa bagi Ciri Pemerikasaan Sekolah

Ciri Pemerikasaan Sekolah	Peratus	Kategori
Kebersihan	65	2
Keselamatan	75	1
Keceriaan	55	3
Prasarana Akademik	61	2
Prasarana kokurikulum sukan	43	3
Prasarana kokurikulum kelab dan persatuan	39	3
Prasarana kokurikulum badan beruniform	44	3

Aktiviti kokurikulum	75	1
Aktiviti P&P	66	2
Pemantapan profesionalisme guru	9	3
Pengurusan sekolah	86	1
Penglibatan masyarakat	75	1

Petunjuk: 1(75-100)% = Perkasa; 2(60-74%) = Sederhana Perkasa; 3(0-59%) = Tidak Perkasa

Kajian ini juga menunjukkan daripada 39 buah sekolah yang di kaji, terdapat 5 buah sekolah (12.8%) yang perkasa bagi ciri kebersihan sekolah. Manakala 19 buah sekolah (48.7%) lagi dikategorikan sebagai sekolah perkasa bagi ciri keselamatan dan 4 buah sekolah (10.3%) pula dikategorikan sebagai sekolah perkasa bagi ciri keceriaan. Hanya sebuah sekolah yang dapat dikategorikan sebagai perkasa bagi ciri aktiviti P&P dan tidak ada satu pun sekolah yang boleh dikategorikan perkasa bagi prasarana kokurikulum sukan, prasarana kokurikulum kelab dan persatuan, prasarana kokurikulum badan beruniform serta pemantapan profesionalisme guru, malah bagi ciri pemeraksanaan pemantapan profesionalisme guru tidak ada juga sekolah yang boleh dikategorikan sebagai sederhana perkasa. Bilangan dan peratus sekolah yang perkasa, sederhana perkasa dan tidak perkasa mengikut ciri-ciri pemeraksanaan dapat dilihat dalam Jadual 12.

Dari segi pemeraksanaan Sekolah Menengah bagi pembangunan modal insan berminda kelas pertama kajian mendapati tidak ada satu sekolah pun yang memenuhi kesemua ciri pemeraksanaan. Namun demikian, ada sekolah yang menunjukkan pemeraksanaan dalam beberapa ciri pemeraksanaan.

Jadual 12: Bilangan dan Peratus Sekolah yang Dikategorikan Perkasa bagi Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan

Ciri Pemeraksanaan Sekolah	Bilangan dan Peratus Sekolah bagi Kategori Perkasa		
	Perkasa (1)	Sederhana Perkasa (2)	Tidak Perkasa (3)
Kebersihan	5 (12.8%)	22 (56.45)	12 (30.8%)
Keselamatan	19 (48.7%)	18 (46.2%)	2 (5.1%)
Keceriaan	4 (10.3%)	9 (23.1%)	26 (66.7%)
Prasarana akademik	1 (2.6%)	23 (58.9%)	15 (38.5%)
Prasarana kokurikulum sukan	-	4 (10.3%)	35 (89.7%)
Prasarana kokurikulum kelab dan persatuan	-	1 (2.6%)	38 (97.4%)
Prasarana kokurikulum badan beruniform	-	3 (7.7%)	36 (92.3%)
Aktiviti kokurikulum	21 (53.8%)	17 (43.6%)	1 (2.6%)
Aktiviti P&P	1 (2.6%)	34 (87.2%)	4 (10.3%)
Pemantapan profesionalisme guru	-	-	39 (100%)
Pengurusan sekolah	37 (94.5%)	2 (5.1%)	-
Penglibatan masyarakat	22 (56.4%)	13 (33.3%)	4 (10.3%)

9. Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan sekolah menengah yang dikaji mempunyai prasarana akademik. Namun, beberapa prasarana tersebut didapati tidak mencukupi untuk proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Prasarana TMK/ICT seperti komputer, internet dan perisian komputer didapati paling tidak mencukupi. Malah, terdapat beberapa

buah sekolah yang dikaji tidak mempunyai kemudahan internet. Kekurangan prasarana TMK/ICT ini akan memberi kesan yang kurang baik kepada proses P&P. Keadaan ini boleh menjejaskan matlamat PIPP 2006-2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006) dari segi penggunaan TMK/ICT dalam bilik darjah untuk pembangunan modal insan berminda kelas pertama.

Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat juga sekolah yang belum dilengkapi dengan prasarana sukan seperti gelanggang, dewan terbuka/tertutup, peralatan permainan, peralatan olahraga, gimnasium dan bilik persalinan, serta prasarana kelab dan persatuan seperti bilik aktiviti, kemudahan khusus, peralatan dan pakaian seragam. Selain itu, prasarana badan beruniform seperti bilik aktiviti, pakaian seragam, peralatan khusus dan stor peralatan juga tidak mencukupi. Dapatan ini tidak selaras dengan hasrat yang ingin dicapai dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang ingin menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan melalui peningkatan prasarana dan pencapaian kokurikulum (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006). Ia juga boleh menjejaskan matlamat yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 yang ingin menghasilkan kualiti pendidikan negara bertaraf dunia (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang 1998).

Sesebuah sekolah yang tidak dilengkapi dengan prasarana kokurikulum pula sudah tentu tidak dapat menjalankan aktiviti kokurikulum dengan sempurna. Tanpa aktiviti kokurikulum, murid tidak mempunyai peluang untuk berinteraksi, bekerjasama dan mengamalkan nilai-nilai murni yang boleh memupuk semangat toleransi dan perpaduan antara murid daripada pelbagai kaum. Tanpa aktiviti kokurikulum, kebolehan murid untuk memahami sesuatu masalah kehidupan seharian secara menyeluruh dan holistik mungkin tidak tercapai. Individu yang seimbang dan harmonis seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 1977) hanya akan terhasil apabila pendedahan kepada aktiviti kurikulum dan kokurikulum diberikan tumpuan yang sewajarnya.

Aspek persekitaran sekolah yang selesa dan ceria pula menjadi prasyarat penting kepada guru dan murid dalam P&P ke arah menghasilkan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Persekitaran yang selamat, bersih dan ceria juga merupakan komponen penting yang menyumbang terhadap pembentukan murid yang cemerlang. Persekitaran yang selamat, bersih dan ceria memberi nilai tambah kepada suasana pembelajaran yang kondusif dalam pembentukan insan yang berminda kelas pertama.

Dari segi pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi pembangunan modal insan kelas pertama, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran di sekolah menengah seperti perbincangan dalam kumpulan, aktiviti mencari maklumat dan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran membantu murid menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran serta keupayaan intelektual yang diperlukan dalam pembangunan modal insan kelas pertama. Namun demikian, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru dan murid sependapat bahawa penguasaan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris serta penggunaan bahasa Inggeris dalam aktiviti pembelajaran kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah pada tahap sederhana. Justeru pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah bagi pembangunan modal insan berminda kelas pertama yang dapat membantu murid mampu bersaing di peringkat global (Mohd Najib 1996) berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK/ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan internet untuk mendapatkan maklumat bagi membantu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru sekolah menengah adalah sederhana tinggi. Pendapat dari guru ini adalah selaras dengan dapatan kajian lepas yang menunjukkan kepentingan dan kelebihan penggunaan

TMK/ICT berasaskan komputer semasa di bilik darjah seperti kajian Mohd. Daud Hamzah 1995 yang menyatakan komputer adalah alat bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran

Memertabatkan profesion keguruan supaya ia dihormati dan dipandang tinggi adalah usaha ke arah memperkasakan sekolah. Dapatan kajian menunjukkan guru di Sekolah Menengah yang dikaji mempunyai kelayakan dan pengalaman untuk mengajar di Sekolah Menengah. Kebanyakan guru terdiri daripada guru berijazah (Sarjana dan Sarjana Muda) serta kelulusan ikhtisas di peringkat Diploma Pendidikan dan Sijil Perguruan. Di samping itu, kebanyakan daripada mereka mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun. Sebahagian besar daripada mereka juga mempunyai perancangan untuk meningkatkan profesionalisme mereka melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan di peringkat Sekolah, Negeri dan Kebangsaan. Namun demikian, pelaksanaan pemantapan profesionalisme dalam kalangan guru di peringkat Sekolah, Negeri dan Kebangsaan berada pada tahap rendah.

Dapatan kajian ini memenuhi ciri-ciri perancangan dalam Model Pembangunan Profesional *Readiness, Planning, Training, Implementation, dan Maintenance* (RPTIM) (Wood et al. 1993). Pada tahap perancangan, staf sekolah akan terlibat sama dalam pembangunan pelan yang dirangka khusus seperti penentuan Visi dan Misi Sekolah (Mortimore 1995) untuk mencapai perubahan yang dikehendaki dalam pengurusan pendidikan untuk menghasilkan modal insan berminda kelas pertama. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa PIBG terlibat secara aktif dalam aktiviti mendapatkan sumber kewangan dan aktiviti kebajikan. Dapatan ini menggambarkan amalan kerjasama dan muafakat yang tinggi antara sekolah dengan masyarakat sekeliling. Penglibatan masyarakat dalam aktiviti sekolah penting bagi memajukan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar serta memperkasakan sekolah (Silins dan Mulford 2002).

Dapatan kajian menunjukkan tidak ada satu sekolah pun yang dapat di kategorikan sebagai sekolah perkasa mengikut kerangka konseptual kajian ini yang meliputi 12 ciri sekolah perkasa bagi pembangunan modal insan berminda kelas pertama. Namun demikian, kajian mendapati setiap sekolah mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Sesetengah sekolah didapati perkasa dalam beberapa ciri perkasa di atas seperti ciri kebersihan, keselamatan dan penglibatan masyarakat. Sekiranya ciri-ciri perkasa yang lain ditingkatkan, sekolah menengah ini berupaya untuk menjadi sekolah perkasa.

10. Implikasi Kajian dan Cadangan

Berdasarkan dapatan penting kajian di atas, ternyata bahawa kajian ini mempunyai implikasi yang perlu ditangani oleh beberapa pihak tertentu.

Dalam pemerksaan sekolah menengah bagi pembangunan modal insan berminda kelas pertama, Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), khususnya Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan (BPPP) perlu memikirkan semula model pemerksaan sekolah dalam PIPP 2006-2010 agar memasukkan ciri-ciri tambahan seperti pemantapan profesionalisme keguruan secara berterusan, serta penglibatan aktif masyarakat dan agensi kerajaan/swasta dalam pengurusan kurikulum dan kokurikulum sekolah.

Pihak KPM dan sekolah perlu merancang untuk meningkatkan prasarana kurikulum, khususnya prasarana TMK/ICT seperti makmal komputer, komputer, LCD, kemudahan internet dan perisian komputer bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dilaksanakan ke arah pembangunan modal insan berminda kelas pertama. Pihak KPM dan sekolah juga perlu merancang untuk meningkatkan prasarana kokurikulum seperti; (a) sukan: gelanggang, dewan tertutup dan terbuka, peralatan permainan, peralatan olahraga, gimnasium dan bilik persalinan; (b) kelab dan persatuan: bilik aktiviti, kemudahan khusus, peralatan dan pakaian seragam; dan (c) badan beruniform: bilik aktiviti, pakaian

seragam, peralatan khusus dan stor peralatan, bagi menyediakan persekitaran selesa dan kondusif bagi menggalakkan perpaduan dan pembangunan sahsiah modal insan berminda kelas pertama.

Untuk meningkatkan persekitaran sekolah dalam aspek: a) kebersihan tandas, kantin, padang sekolah dan bengkel; b) keselamatan di kawasan tandas, bengkel dan padang sekolah; c) keceriaan di kebanyakan persekitaran sekolah, pihak sekolah perlu membuat perancangan bagi mewujudkan suasana yang selesa dan kondusif. Ia juga adalah penting bagi menjalankan aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Di samping itu guru di sekolah menengah perlu merancang aktiviti-aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang mencabar dan selesa, melibatkan murid daripada pelbagai kaum supaya mereka dapat berinteraksi, berkomunikasi dan bekerjasama tanpa prejudis bagi meningkatkan keyakinan dan ketahanan diri serta keupayaan memimpin dalam kalangan murid bagi pembangunan modal insan berminda kelas pertama.

Pihak sekolah, khususnya pengetua, pentadbir sekolah dan ketua panitia mata pelajaran perlu meningkatkan aspek pengurusan sekolah dan sumber pembangunan manusia serta aspek pemantapan profesionalisme keguruan seperti kursus-kursus dalam perkhidmatan di peringkat Sekolah, Daerah, Negeri dan Kebangsaan. Guru pula patut peka terhadap keperluan pemantapan profesionalisme keguruan mereka supaya selaras dengan perkembangan pendidikan semasa. Pihak sekolah perlu memastikan bahawa guru yang menghadiri kursus dalam perkhidmatan di peringkat Negeri dan Kebangsaan menyebarkan ilmu dan kemahiran yang mereka peroleh kepada rakan sejawat di peringkat Sekolah melalui kursus dalaman dan bengkel.

Pihak masyarakat dan agensi kerajaan/swasta juga perlu memberi kerjasama dan komitmen dalam menjayakan aktiviti kurikulum dan kokurikulum sekolah bagi meningkatkan proses P&P. Kerjasama tersebut boleh diberikan dalam bentuk penyelenggaraan aktiviti kokurikulum dan penajaan kewangan bagi aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

11. Kesimpulan

Kajian pemerikasaan sekolah menengah bagi pembangunan modal insan berminda kelas pertama ini bertujuan untuk meninjau status pemerikasaan pendidikan di sekolah menengah dan sejauh manakah Sekolah Menengah yang perkasa mampu memenuhi pembangunan modal insan berminda kelas pertama. Dalam usaha memperkasakan sekolah menengah bagi pembangunan modal insan berminda kelas pertama, dapatan-dapatan kajian ini mempunyai beberapa implikasi yang melibatkan tindakan daripada pihak KPM, sekolah, masyarakat dan agensi kerajaan/swasta. Kajian ini juga telah mengemukakan beberapa cadangan yang perlu diambil tindakan ketiga-tiga pihak yang berkenaan di atas bagi melaksanakan pemerikasaan sekolah menengah yang mampu memenuhi pembangunan modal insan berminda kelas pertama.

Rujukan

- Amin Senin. 2005. Perbandingan pandangan antara pentadbir sekolah dengan guru terhadap pengurusan pembangunan profesional sekolah. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, **15(02)**: 83-97.
- Charil Marzuki. 1997. Kajian sekolah berkesan di Malaysia: Model Lima Faktor. Tesis yang dikemukakan untuk memperoleh ijazah doktor falsafah, Fakulti Pendidikan, UKM, tidak diterbitkan.
- Coleman, J. S., Campbell, E. Q., Hobson, C. J., McPartland, J. M., Weinfield, F. D., & York, R. L. 1966. *Equality of educational opportunity*. Washington D.C.: Office of Education, USA Department of Health, Education and Welfare.

- Craft, A. 2000. *Continuing professional development: A practical guide for teachers and schools* (2nd ed.). London: Routledge Falmer.
- Darling-Hammond, L., & McLaughlin, M. 1995. Policies that support professional development in the era of reform. *Phi Delta Kappan*, **76**(8), 597-604.
- Edmonds, R. 1979. *Effective Schools for the urban poor*. Educational Leadership, 37(1)
- Fullan, M. G., & Steigelbauer, S. 1991. *The new meaning of educational change* (2nd ed.). London: Cassel Educational Limited.
- Guskey, T. R. 1994. Result-oriented professional development: In search of an optimal mix of effective practices. *Journal of Staff Development*, **14**(4), 42-50.
- Hanushek, E. A. 1979. Conceptual and empirical issues in the estimating of educational production functions. *Journal of Human Resources* **14**. 351-388.
- Heyneman, S. P., & Loxley, W. A. 1983. The effect of primary school on academic achievement across twenty nine high and low income countries. *American Journal of Sociology* **88**, 1162-1194.
- Jess B dan Mark M.S. 1994. The role of human capital in economic development from aggregated cross-country data. *Journal of Monetary Economics* **34**. 143-173.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996. *Undang-undang Malaysia: Akta institusi pendidikan swasta 1996*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. 1998. *Akta pendidikan 1996 (Akta 550) & peraturan-peraturan terpilih*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Levitan, Magnum & Marshall. 1981. *Human resource and Labour Market: Employment and financing in the American Economy*. New York: Harper & Row.
- Lohman, M. C., & Woolf, N. H. 1998. Toward a culture of teacher learning in the public schools: A human resource development perspective. *Teaching and Change*, **5**(3/4), 276-293.
- Malaysia, 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Unit Perancang Ekonomi. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Malaysia. 1997. *The Malaysian Smart School, an MSC flagship application: A conceptual blueprint*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Daud Hamzah. 1995. *Perkembangan kurikulum sekolah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Tun Abdul Razak. 1996. "Teks ucapan YB Menteri Pendidikan", di Majlis Perasmian Hari Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia, pada 2 Disember, 1996, di Auditorium BTP, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.
- Mortimer, P., Sammons, P., Stoll, L., Lewes, D., & Ecobn, R. 1988. *School matters*. London: Open Book.
- Mortimer, P. 1995. *Key Characteristics of Effective Schools*. Effective School Seminar, Ministry of Education Malaysia, 13-14 July.
- Othman Yeop. 1989. "Human Resource in Industrialization" kertas kerja di Seminar Kebangsaan Pembangunan Ke Arah Ekonomi Perindustrian, anjuran Fakulti Ekonomi, UKM Bangi.
- Persico, M. 2001. Exploring the relationship between the perceived leadership style of secondary principals and the professional development practices of their teachers. Unpublished Doctor of Education, Lehigh University, Bethlehem, PA.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Plowdon Report. 1967. *Children and their primary school*. London: HMSO.
- Schreerens, J., & Creemers, B. P. M. 1989. Conceptualizing school effectiveness. *International Journal of Educational Research* **13**(7), 691-707.
- Silins, H., & Mulford, W. 2002. Leadership and school results. In K. Leithwood & P. Hallinger (Eds.), *Second international handbook of educational leadership and administration* Dordrecht, The Netherlands: Kluwer.
- Sparks, D., & Hirsh, S. 1999. *A new vision for staff development*. Ohio : National Staff Development Council.
- Thomas, N.G; Morley M.; Gunnigle, P.&Collins, E 2001. Human capital accumulation: the role of human resource development. *Journal of European Industrial Training*. 48-68
- Weathershy, J., & Harkreader. 1999. *Staff Development And Student Achievement Making The Connection*. Paper presented at the annual meeting of the American Education Research Association .Montreal, Canada.
- Widden, M. F.1992. School-based teacher development. In M.G. Fullan & A. Hargreaves (Eds.), *Teacher development and educational change* (pp. 123-155). London: The Falmer Press.
- Wood, F., Killian, J., McQuarrie, F., & Thompson, S. 1993. *How to organize a school-based staff development*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.